

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 17 MAC 2014
SOALAN :

YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratus peruntukan Kementerian yang dikhususkan untuk pelbagai jenis pendidikan kesihatan untuk rakyat dan apa rancangan Kementerian untuk membendung penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2013, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperuntukkan sebanyak 0.3 % untuk tujuan pendidikan kesihatan daripada keseluruhan peruntukan Belanja Mengurus KKM. Manakala bagi tahun 2014, Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak 0.3% daripada keseluruhan Belanja Mengurus.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup rakyat. Penekanan pendekatan sihat sepanjang hayat sebagai tunjang utama melalui pelbagai intervensi cara hidup sihat telah dimulakan dari peringkat awal kehidupan dengan menggunakan strategi bina upaya dan memperkasa individu.

Mulai tahun 2014, satu projek rintis Tunas Doktor Muda akan diperkenalkan di kalangan murid pra sekolah yang bertujuan memperkasa mereka dengan amalan gaya hidup sihat seperti makan secara sihat, lakukan aktiviti fizikal dan kebersihan diri seawal kehidupan mereka.

Proses pemerksaan ini diperkukuhkan lagi di peringkat sekolah rendah menerusi Program Doktor Muda. Melalui program ini, sekumpulan murid terpilih dibentuk dengan ilmu dan kemahiran cara hidup sihat untuk menjadi pembimbing kepada rakan-rakan yang lain. Kementerian melihat program ini amat bermanfaat dan bagi menjamin kelestariannya. Mulai 2014, program ini akan dikembangkan ke peringkat sekolah menengah. Di peringkat pengajian tinggi pula, Program Siswa Sihat (PROSIS) yang dianggotai oleh sekumpulan siswa yang menjadi penggerak dan agen perubahan tingkahlaku.

Kempen Nak Sihat adalah projek khusus yang dimulakan pada tahun 2013 untuk menggalakkan golongan belia menjadi lebih aktif dengan amalan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berlari, berbasikal dan bersukan.

Di peringkat komuniti, Kementerian sangat aktif menjalankan Projek COMBI, Cara Hidup Sihat, yang memperkasa komuniti untuk mengamalkan cara hidup sihat khususnya melakukan aktiviti fizikal, makan secara sihat, tidak merokok, memupuk minda sihat dan menjauhi alkohol.

Pada tahun 2014, Kementerian telah melancarkan satu lagi program di komuniti iaitu Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN). Kerjasama yang dijalankan bersama KEMAS ini bertujuan mewujudkan sekumpulan sukarelawan terlatih untuk melaksanakan intervensi cara hidup sihat di lokaliti masing-masing.

Kementerian sentiasa prihatin untuk memastikan rakyat sentiasa mengamalkan cara hidup sihat dalam kehidupan seharian. Semua usaha-usaha yang dinyatakan tadi akan terus dilaksanakan dengan lebih agresif untuk memastikan kejadian penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup rakyat dapat dikurangkan.